

Headline	Lonjak kecemerlangan pelajar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	25	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	472 cm ²
Journalist	OTHMAN YAHAYA	AdValue	RM 9,414
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,242



Tabung Haji taja 135,450 naskhah *Tutor*

Lonjak kecemerlangan pelajar

Oleh OTHMAN YAHAYA

pengarang@utusan.com.my

■ KEPALA BATAS 4 MEI

AKHBAR pendidikan *Utusan Malaysia*, *Tutor* semakin mendapat perhatian daripada pelbagai pihak khususnya syarikat korporat bagi membantu pelajar membuat persediaan menghadapi peperiksaan penting.

Terbaharu, Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) tampil menaja 135,450 naskhah *Tutor* merangkumi 88,650 naskhah untuk pelajar yang akan menduduki Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta 46,800 untuk murid Tahun 6 yang bakal menghadapi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Negeri ini adalah antara yang menerima tajaan tersebut dan akan diedarkan di empat sekolah menengah merangkumi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Muda, Penaga; SMK Dato Onn, Butterworth; SMK Seri Tasek, Nibong Tebal dan

SMK Al-Manshoor, Air Hitam.

Timbalan Pengarah Tabung Haji Pulau Pinang, Mohd. Said Ismail berkata, setiap sekolah terpilih akan menerima tajaan sebanyak 45 naskhah *Tutor* untuk membantu pelajar yang akan menduduki peperiksaan PT3 dan SPM tahun ini.

Katanya, naskhah itu diyakini mampu membantu pelajar membuat persediaan tambahan bersama pembelajaran formal yang diperolehi daripada guru di sekolah masing-masing.

“Kita cukup yakin penggunaan sisipan ini membolehkan pelajar menambah ilmu pengetahuan kerana merangkumi subjek teras seperti yang terdapat dalam kurikulum sekolah.

“Selain itu, tajaan ini juga secara tidak langsung dapat menanam minat membaca dalam kalangan pelajar,” katanya ketika melancarkan majlis penajaan *Tutor* di SMK Seri

Muda, Penaga di sini hari ini.

Acara yang berlangsung di dewan sekolah itu turut dihadiri Penolong Pengurus Pemasaran Utusan Melayu (M) Berhad, Wilayah Utara, Ajani Basri dan Pengetua SMK Seri Muda, Mohd. Nor Yusoff.

“Setiap sekolah terpilih akan menerima tajaan sebanyak 45 naskhah *Tutor* untuk membantu pelajar yang akan menduduki peperiksaan PT3 dan SPM tahun ini.”

MOHD. SAID ISMAIL
Timbalan Pengarah
Tabung Haji Pulau Pinang



Headline	Lonjak kecemerlangan pelajar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	25	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	472 cm ²
Journalist	OTHMAN YAHAYA	AdValue	RM 9,414
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,242



MOHD. SAID ISMAIL (depan. tengah), Ajani Basri (kanan) dan Mohd. Inor Yusof (lima dari kanan) bersama para pelajar dalam majlis penajaan Tutor di SMK Seri Muda, Penaga, Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/OTHMAN YAHAYA